



12 JUL, 2023

## Ekspo Malaysia Fest 2023 di Singapura 27 Julai ini

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

### Ekspo Malaysia Fest 2023 di Singapura 27 Julai ini

**SINGAPURA:** Ekspo Malaysia Fest 2023 edisi keenam akan diadakan selama empat hari bermula 27 Julai, 2023 di Singapore Expo, Changi, di sini, umum Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura Datuk Dr. Azfar Mohamad Mustafar kelmarin.

Bercakap pada prapelancongan ekspo itu di sini, Azfar berkata sejak penganjurannya pada 2016, ekspo itu telah mencipta jenama yang baik untuk Malaysia yang mempamerkan kepelbagaian rangkaian produk agromakanan, pakej pelancongan

dan kraf tangan negara.

Ketika sempadan Malaysia dan Singapura dibuka semula tahun lepas, ekspo itu diadakan semula dan berjaya menarik 217 peserta pameran dari Malaysia dan mencatatkan lebih 120,000 pengunjung.

"Kami harap jumlah pengunjung yang sama akan mengunjungi pameran untuk tahun ini. Kami akan mengadakan pameran yang lebih besar. Setakat ini kami telah menarik 278 peserta pameran yang akan mempamerkan produk mereka,"

kata Azfar.

Ekspo itu dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama MegaXpress International Pte Ltd yang berpangkalan di Singapura.

Bertemakan "Terokai Rasa Unik Malaysia", Azfar berkata ekspo itu penting bagi Malaysia bukan sahaja untuk membolehkan pengguna dan pemiagaan Singapura mengetahui "produk kami tetapi juga untuk memba-

wa perusahaan mikro, kecil dan sederhana Malaysia ke republik ini dan seterusnya."

"Kami menasaskan untuk membawa masuk 10 tan metrik buah-buahan bermusim dari Malaysia dan 2,000 unit penyimpanan stok (SKU) produk segar dan diproses," kata Pengerusi FAMA Aminuddin Zulkipili.

Antara tarikan utama, Aminuddin berkata FAMA akan mempromosikan buah-buahan bermusim tempatan, termasuk longan kristal dari Sarawak, petai dari Perak, ciku dari Johor, nangka dari Pahang, serta cempedak dari Perlis.

"Bagi acara ini, kami ingin memperkukuh dan menumpukan kepada gabungan strategik antara FAMA dan negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Terengganu dan Perak serta empat agensi negeri lain," kata Aminuddin.

Menurutnya, FAMA menasaskan 100 padanan pemiagaan sepanjang acara empat hari itu yang akan turut melibatkan 13 pengeksport dari Malaysia.

"Kami berharap dapat mencapai potensi nilai eksport sebanyak RM25 juta," kata Aminuddin. Dalam kenyataan akhbar yang

disediakan untuk acara itu, FAMA berkata festival penuh meriah tersebut berfungsi sebagai platform untuk mempamerkan pelbagai produk agromakanan dan barangan buatan Malaysia.

Ia bermula melalui Malaysia Fresh Fruits Fiesta (M3F) pada 2006, yang kemudiannya dikembangkan dengan penjenamaan semula kepada Malaysia Fest sehingga kini.

Selain Singapura, FAMA berkata ia akan menganjurkan program serupa seperti Malaysia Fest di negara lain yang berpotensi bagi mempromosikan produk agromakanan Malaysia secara global.

FAMA berkata ia menasaskan untuk menjana jualan lahsung sebanyak RM10 juta, lebih tinggi daripada RM7.87 juta pada tahun lepas dan RM7.37 juta pada 2019.

Penyanyi nombor satu Malaysia, Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin adalah antara selebriti yang akan menyertai acara tersebut yang berakhir 30 Julai ini.

Majlis prapelancongan Ekspo Malaysia Fest 2023 telah diadakan di Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura. — Bernama



SIDANG media mengenai Ekspo Malaysia Fest 2023.



12 JUL, 2023

## Ekspo Malaysia Fest 2023 di Singapura 27 Julai ini

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SINGAPURA: Ekspo Malaysia Fest 2023 edisi keenam akan diadakan selama empat hari bermula 27 Julai, 2023 di Singapore Expo, Changi, di sini, umum Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura Datuk Dr. Azfar Mohamad Mustafar kelmarin. Bercakap pada prapelancongan ekspo itu di sini, Azfar berkata sejak penganjurannya pada 2016, ekspo itu telah mencipta jenama yang baik untuk Malaysia yang mempamerkan kepelbagaian rangkaian produk agromakanan, pakej pelancongan

dan kraf tangan negara. .